

CHANGLOON, 16 JANUARI (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA SEBUAH PARTI POLITIK MENJALANKAN KEMPEN MEMBURUKKAN KERAJAAN.

KATANYA, PARA PEMIMPIN DAN PENYOKONG PARTI TERSEBUT MENJELAJAH KE KAMPUNG KAMPUNG MENGHASUT RAKYAT SUPAYA BENCI KEPADA KERAJAAN DAN PARA PEMIMPINNYA.

BELIAU MEMBERITAHU SATU PERHIMPUNAN RAMAI DI KAMPUNG CAHGNGKAT SETOL, BERHAMPIRAN PERBATASAN KEDAH/NEGERI THAI BAHAWA BELIAU SENDIRI MENJADI SASARAN UTAMA DALAM KEMPEN YANG DIJALANKAN OLEH PARTI POLITIK ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SEDAR PARTI POLITIK ITU SEDANG MENYUSUN LANGKAH UNTUK MENGHADAPI PILIHANRAYA AKAN DATANG DAN BEGITU GHAIRAH UNTUK MENJATUHKAN BELIAU SEBAGAI WAKIL RAKYAT KUBANG PASU.

"MEREKA TELAH CUBA MEMBANGKITKAN PERASAAN BENCI RAKYAT TERHADAP SAYA DENGAN MENYEDIAKAN GAMBAR-GAMBAR UNTUK MENUNJUKKAN SAYA SEBAGAI BUKAN ISLAM" KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKATA PARA PEMIMPIN UMNO, BARISAN NASIONAL DAN KERAJAAN MENJADI SASARAN GOLONGAN-GOLONGAN TERSEBUT DALAM USAHA MEREKA MEMBURUKKAN KERAJAAN DAN PARA PEMIMPINNYA.

—BERSAMBUNG HM 1832

B633

MAHATHIR - KEMPEN 2 CHANGLOON

SEBELUM ITU DR MAHATHIR MENYERU RAKYAT SUPAYA MEMPUNYAI MINAT TERHADAP POLITIK UNTUK TERUS MENJAMIN KEDUDUKAN KERAJAAN YANG KUKUH DAN STABIL.

MALAYSIA TERKENAL SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG KUKUH, MAJU DAN STABIL DIMANA RAMAI PELABUR LUAR NEGERI TELAH MENANAM MODAL DAN RAKYAT HARUS TERUS MENGEKALKAN KEADAAN TERSEBUT DENGAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA KERAJAAN.

TETAPI, KATANYA, TERDAPAT SEBILANGAN RAKYAT YANG TIDAK MENGHARGAI SUASANA AMAN DAMAI DAN MUDAH TERPENGARUH DENGAN HASUTAN SUPAYA BANGUN MENENTANG KERAJAAN.

DR. MAHATHIR BERKATA ORANG YANG MEMPUNYAI PENDIDIKAN ASAS ISLAM JUGA BOLEH TERPENGARUH DENGAN HASUTAN SEUMPAMA ITU DAN CONTOHNYA IALAH MUSA AHMAD, Pengerusi Parti Komunis Malaya.

WALAUPIUN MUSA AHMAD MENDAPAT DIDIKAN DI MADRASAH AL-MASHUR PULAU PINANG, BELIAU TELAH TERPENGARUH DENGAN AJARAN ANTI TUHAN HINGGA DILANTIK SEBAGAI Pengerusi Parti Komunis.

—BERSAMBUNG HM 1838

B634

MAHATHIR-KEMPEN 3 CHANGLOON

MENGENAI LANGKAH MEMINDAHKAN SAHAM 21 BUAH SYARIKAT YANG DIPEGANG

OLEH KERAJAAN KEPADA BUMIPUTERA, DR. MAHATHIR MENYERU MEREKA SUPAYA MEMBELI SAHAM-SAHAM TERSEBUT DENGAN MELABUR \$10 SEBAGAI PERMULAAN.

KATANYA LANGKAH KERAJAAN BERTUJUAN UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYAT SAMA-SAMA MENIKMATI KEKAYAAN NEGARA MEMANDANGKAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG DISENARAikan ITU TELAH MEMPEROLIH KEUNTUNGAN YANG BESAR.

SELAIN DARIPADA ITU, KERAJAAN JUGA AKAN MELATIH GOLONGAN BELIA DALAM SEKTOR PEMBINAAN DIMANA TAWARAN UNTUK MENDIRIKAN KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI DI JOHOR TELAH DIBERIKAN KEPADA KOPERASI BELIA NASIONAL (KOBENA).

KATANYA, KAMPUS YANG MENELAN BELANJA \$300 JUTA ITU AKAN DIBINA SECARA USAHA SAMA DENGAN SEBUAH FIRMA DARI KOREA SELATAN UNTUK MEMBOLEHKAN KOBENA MEMPELAJAR SELOK BELOK PEMBINAAN.